

LAWATAN MAWILUD 1 KE STRIDE KAJANG



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/1807-lawatan-mawilud-1-ke-stride-kajang

KAJANG, 14 Apr 17 – Satu lawatan ke Science & Technology Research Institute For Defence (STRIDE) Kajang yang dianjurkan oleh Markas Wilayah Udara 1. Seramai 38 pegawai dan PTTK dengan diketuai oleh Kol Hj Ahmad Afandi Bin Hj Shuib TUDM, Pengarah POTU.

Lawatan yang bertujuan untuk memberi pendedahan dengan lebih dekat tentang peranan STRIDE kepada ATM ini telah disambut oleh Encik Mohd Azahan bin Mohd Noh, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan STRIDE. Manakala taklimat dan penerangan ringkas telah disampaikan oleh Ketua Pejabat Projek Khas STRIDE, Brig Jen Hj Mustafa bin Hj Omar.

Peserta lawatan juga turut diberi peluang melawat beberapa makmal dan melihat sendiri beberapa ujikaji yang sedang dijalankan. Semoga dengan lawatan ini, para peserta telah mendapat sedikit pengetahuan mengenai peranan dan fungsi STRIDE yang sangat penting kepada ATM.



